

26 MAY 1996

Ting-tanah

JANGAN FIKIR UNTUNG SAHAJA, KATA TING KEPADA KERAJAAN NEGERI

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri sepatutnya tidak memikirkan keuntungan semata-mata dan harus membantu usaha kerajaan pusat dengan meluluskan tanah untuk pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

"Kalau kita selalu menyeru pemaju swasta perumahan menyediakan rumah kos rendah dalam bentuk subsidi silang maka bukankah lebih baik sekiranya kerajaan negeri pun dapat bertindak demikian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan tahunan Pemuda dan Wanita MCA Selangor di sini.

Katanya kementerian akan menghubungi ahli-ahli exco negeri yang memegang portfolio perumahan bagi mencari jalan keluar untuk mengatasi masalah ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini mengenai keberatan kerajaan-kerajaan negeri meluluskan tanah untuk projek rumah kos rendah dan sederhana untuk diusahakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sambil mengingatkan kerajaan negeri mengenai tanggungjawab sosial mereka, Ting berkata kerjasama mereka perlu kerana tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Beliau juga berkata tapak-tapak yang diperuntukkan itu perlulah sesuai dan tidak terlalu jauh dari kawasan bandar kerana keperluan rumah kos rendah kebiasaannya berleluasa di bandar-bandar terutamanya di negeri Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor.

Pada Januari lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa KWSP akan melaksanakan projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana secara besar-besaran bagi menampung keperluan rumah kos rendah yang dihadapi kini.

Sementara itu, Ting, yang juga Setiusaha Agung MCA, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan mesyuarat tahunan MCA pada 6 Julai nanti di sini yang akan dihadiri 2,400 perwakilan.

Oleh kerana perhimpunan kali ini begitu besar, ibu pejabat parti tidak akan menjemput pemerhati daripada peringkat cawangan untuk menghadirinya.

-- BERNAMA

RAM AHH